



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

"PEMINJAM PTPTN PERLU KEMUKAKAN MAKLUMAT PENDAPATAN"

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) komited untuk melaksanakan **manifesto Kerajaan** bagi meringankan beban hidup yang ditanggung oleh anak muda iaitu :
 - a) Mengeluarkan nama peminjam daripada senarai hitam Jabatan Imigresen; dan
 - b) Menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang berpendapatan RM4,000 ke bawah sebulan.
2. PTPTN telah pun selesai mengeluarkan nama seramai 429,945 peminjam daripada senarai hitam Jabatan Imigresen sebagaimana yang telah saya umumkan pada 26 Jun 2018 yang lalu.
3. Dalam sidang media yang sama, saya juga telah memaklumkan bahawa penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam yang berpendapatan RM4,000 ke bawah sebulan akan dilaksanakan setelah kajian yang lebih teliti selesai dijalankan.
4. Bagi memastikan tindakan lanjut dapat diambil, **maklumat pendapatan peminjam yang tepat dan terkini sangat diperlukan.**

(KEMASKINI MAKLUMAT PENDAPATAN)

5. Sehubungan itu, semua peminjam **yang patut membuat bayaran balik dan masih mempunyai baki hutang** adalah **dikehendaki untuk mengemaskini maklumat pendapatan mereka secara atas talian melalui portal rasmi PTPTN, www.ptptn.gov.my di ruangan “**Pengemaskinian Maklumat Pendapatan.**”**
6. Pengemaskinian boleh dibuat **mulai hari ini, hingga selewat-lewatnya pada 25 Julai 2018 (Rabu).**

7. Selain maklumat pendapatan, peminjam juga perlu mengemaskini **maklumat penting yang lain termasuk maklumat perhubungan terkini (alamat, nombor telefon serta alamat e-mel)** dan maklumat pekerjaan.
8. Peminjam **diingatkan** agar mengemaskini maklumat pendapatan yang sahih dan benar, yang boleh dibuktikan dengan dokumen sokongan apabila diminta. Audit akan dijalankan oleh PTPTN. **Membekalkan maklumat yang TIDAK BENAR adalah SALAH dari segi undang-undang.**
9. **Sekiranya peminjam tidak mengemaskini maklumat dalam tempoh yang ditetapkan, maka PTPTN akan menganggap bahawa mereka tidak berhasrat memohon penangguhan bayaran balik dan mereka tidak akan termasuk di dalam dasar baharu bayaran yang akan dibuat.**
10. Pada waktu yang sama, **saya juga ingin menyeru kepada semua peminjam PTPTN untuk menanam budaya suka membayar balik serta mengelakkan sikap suka menangguh-nangguhkan pembayaran hutang.** Ibu bapa juga digalakkan memastikan anak-anak mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dalam membayar hutang mereka. Bagi PTPTN, niat di sebalik kemudahan penangguhan bayaran balik ini ialah untuk membantu anak-anak muda menghadapi bebanan kos sara hidup. Jangan pula ia disalahguna untuk melarikan diri daripada membayar hutang kerana ini adalah akhlak yang tidak bertanggungjawab.
11. Para peminjam boleh melayari www.ptptn.gov.my untuk mengemaskini maklumat anda atau hubungi talian **Careline PTPTN** di 03 – 2193 3000 untuk sebarang maklumat lanjut.

Wan Saiful Wan Jan
Pengerusi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
16 Julai 2018